



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN SEDIA PERUNTUKAN RM41.5 JUTA BANTU 27,674 PELAJAR MELALUI PEMBERIAN WANG PENDAHULUAN PINJAMAN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) terus komited dalam memastikan akses kepada pendidikan tinggi dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat tanpa mengira latar belakang ekonomi. Sehubungan itu, PTPTN telah membantu melalui pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) berjumlah RM1,500 kepada setiap pelajar baharu yang layak, sebagai persiapan awal memasuki Universiti Awam (UA) dan Politeknik sekali gus meringankan beban kewangan dan menjaga kebajikan pelajar.
2. WPP ini diberikan kepada pelajar-pelajar warganegara Malaysia yang telah memberikan persetujuan menerima WPP semasa membuat permohonan kemasukan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) melalui UPUOnline atau melalui portal kemasukan UA. Selain itu, ibu bapa atau penjaga pelajar juga merupakan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) serta memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan. Semenjak WPP diperkenalkan pada tahun 1999 hingga 31 Ogos 2025, seramai 990,646 orang pelajar telah menerima manfaat ini dengan peruntukan berjumlah RM1.46 bilion.
3. Bagi kemasukan pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda ke UA dan Politeknik sesi Oktober 2025 ini, seramai 27,674 orang pelajar akan ditawarkan WPP yang melibatkan peruntukan berjumlah RM41.5 juta. Pelajar boleh membuat semakan tawaran WPP melalui aplikasi myPTPTN dan boleh menunaikan WPP tersebut di kaunter Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) di seluruh negara mulai 24 September 2025. Pelajar hanya perlu membawa bersama surat tawaran WPP yang dicetak melalui aplikasi myPTPTN dan juga MyKad pelajar (wakil adalah tidak dibenarkan). Tempoh sah laku WPP adalah selama dua (2) bulan iaitu mulai 24 September 2025 hingga 23 November 2025.
4. Pada 18 September 2025, PTPTN telah menyantuni pelajar yang ditawarkan WPP melalui sesi ziarah rumah ke rumah pelajar di kawasan Bukit Gelugor, Pulau Pinang. Penyampaian surat tawaran WPP kepada pelajar yang layak telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN. Hadir sama, Encik Muhammad Muhsin bin Abdul Rahman, Pengarah Negeri Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang.

5. Pengerusi PTPTN, Dato' Seri Norliza Abdul Rahim berkata, "PTPTN sentiasa mengambil berat tentang kebajikan pelajar, khususnya ketika mereka memulakan pengajian ke menara gading. Kemudahan WPP yang disediakan ini adalah bukti keprihatinan kerajaan melalui PTPTN dalam membantu meringankan beban kewangan pelajar di peringkat awal pengajian. Kami mahu setiap pelajar dapat memulakan sesi pengajian mereka dengan lebih yakin dan selesa serta tanpa perlu bimbang terhadap kos pengajian."

6. "Di Negeri Pulau Pinang, seramai 1,380 orang pelajar ditawarkan WPP dengan peruntukan berjumlah RM2.07 juta. Manakala, bagi kawasan Bukit Gelugor pula, seramai 88 orang pelajar telah ditawarkan WPP melibatkan peruntukan berjumlah RM132,000. Syabas dan tahniah kepada semua pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Anda adalah harapan masa depan negara. Semoga bantuan ini meringankan langkah anda untuk menimba ilmu dan melahirkan graduan berkualiti yang mampu menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara. PTPTN akan terus bersama anda dalam memastikan tiada pelajar yang tercicir daripada pendidikan tinggi kerana kekangan kewangan," tambah beliau lagi.

7. Untuk makluman, para pelajar boleh membuat permohonan pinjaman PTPTN secara dalam talian melalui aplikasi myPTPTN mengikut tarikh permohonan yang ditetapkan bagi setiap UA dan Politeknik untuk memastikan pinjaman dapat diproses dan diluluskan sewajarnya. Pelajar yang ingin memohon pinjaman PTPTN perlu mempunyai akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) yang boleh dibuka melalui aplikasi myPTPTN.

8. Para pelajar boleh merujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar UA dan Politeknik masing-masing atau terus menghubungi PTPTN sekiranya terdapat sebarang pertanyaan. Maklumat lanjut berkenaan WPP PTPTN dan pinjaman PTPTN juga boleh diperoleh melalui aplikasi myPTPTN untuk perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan selamat.

Diedarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
20 September 2025

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)